

Hujan luar biasa lebih kerap ekor faktor pemanasan global, fenomena MJO

Banjir buruk dijangka berulang

KUALA LUMPUR – Kejadian banjir buruk yang melanda negara hujung tahun lepas dijangka berulang dengan lebih kerap serta lebih buruk ekor faktor pemanasan global dan kehadiran fenomena *Madden-Julian Oscillation* (MJO).

Pakar Klimatologi dan Oseanografi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Fredolin T. Tangang (**gambar kecil**) berkata, ini kerana faktor perubahan iklim akibat pemanasan global merangsang fenomena itu semakin buruk.



Baru-baru ini media melaporkan mengenai fenomena MJO atau lebih dikenali sebagai Ayunan

Madden-Julian yang merupakan antara faktor hujan lebat luar biasa membasahi Malaysia.

MJO ialah elemen dalam keragaman iklim tropika yang berlaku sekali antara 20 hingga 60 hari, ber-

banding fenomena El Nino antara tiga hingga tujuh tahun sekali.

Ia merupakan fenomena

INFO Fenomena Madden-Julian Oscillation (MJO)

- Merupakan elemen dalam keragaman iklim tropika yang berlaku antara 20 hingga 60 hari
- Terjana akibat perubahan suhu di Lautan Hindi yang boleh mempengaruhi kelembapan atmosfera
- Dikatakan sebagai faktor penyebab hujan lebat luar biasa yang melanda Malaysia pada penghujung 2014
- Selain banjir di Kelantan dan Pahang baru-baru ini, fenomena MJO dipercayai menjadi punca kejadian banjir besar di Johor pada akhir tahun 2006 lalu

FAKTOR pemanasan global dan kehadiran fenomena MJO boleh menyebabkan banjir buruk berulang pada masa akan datang. – Gambar hiasan

keragaman iklim berskala besar yang terjana akibat perubahan suhu di Lautan Hindi yang boleh mempengaruhi kelembapan atmosfera.

Namun apabila MJO bertemu musim monsun timur laut (musim tengkujuh) dan angin luluran sejuk, ia akan menyebabkan kadar curah hujan yang luar biasa.

Fredolin yang juga pensyarah Fakulti Sains dan Teknologi UKM mendedahkan, sudah ada kajian yang menunjukkan bahawa peningkatan suhu dunia menyebabkan fenomena seperti El Nino, La Nina dan MJO akan meningkat kekuatan dan keragamannya.

“Ini bermakna pada masa akan datang kekerapan hujan ekstrem dan kemarau akibat fenomena ini di Malaysia akan meningkat,” katanya. – Bernama